

# Kementerian tidak campur tangan tindakan singkir pelajar IPTA

UM 11 JUL 2001

KUALA LUMPUR 10 Julai — Kementerian Pendidikan tidak akan campur tangan dalam tindakan menyingkirkan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang didapati terlibat dalam kegiatan menentang kerajaan.

Sebaliknya kementerian menyerahkan kepada pihak pentadbiran universiti terbabit untuk membuat sebarang keputusan.

Setiausaha Parlimen kementerian itu, Datuk Mahadzir Mohd. Khir menegaskan, peranan kementerian hanyalah memastikan segala dasar yang ditetapkan berjalan lancar.

"Kementerian tiada niat untuk campur tangan dalam sebarang keputusan berhubung kegiatan pelajar mahupun kakitangan universiti," katanya.

Menurut beliau, jika pihaknya terlibat dalam tindakan itu bermakna sesebuah IPTA itu bukan lagi sebuah institusi pengajian tinggi tetapi hanyalah sebuah sekolah sahaja.

"Kita tidak boleh buat arahan kepada universiti, kalau kita buat sedemikian ia sudah jadi seperti sekolah sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas menyampaikan Anugerah Biasiswa Musim Panas ke-28 Penerbangan Jepun (JAL) di Hotel Nikko di sini hari ini.

Menurut Mahadzir, kementerian memberi kepercayaan penuh kepada pihak pentadbiran universiti terutama naib canselor masing-masing untuk membuat sebarang keputusan berhubung perkara tersebut.

"Terpulanglah kepada mereka dan kita juga menyerahkan kepada mereka untuk melaksanakan sepe-nuhnya Akta Universiti dan Kolej Universiti

(AUKU) yang telah dikuat kuasakan," katanya.

Namun begitu beliau berkata, pihak polis boleh mengambil tindakan terhadap mana-mana pelajar jika mereka ditahan di bawah ISA.

"ISA tidak ada kena men-gena dengan AUKU jadi pihak polis boleh ambil tindakan kepada mana-mana pelajar," jelasnya.

## Sokongan

Sementara itu beliau menyatakan sokongan terhadap cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai syarat baru kepada bakal pelajar ke universiti.

Menurutnya, selama ini kerajaan begitu fleksibel dalam memberi pembiayaan terhadap IPTA untuk menyediakan kemudahan kepada para pelajarnya.

"Kini mereka diberi peluang untuk membuat pilihan jika mereka pilih untuk terlibat dengan politik partisan maka tidak payahlah pergi ke universiti," katanya.

Kelmarin Dr. Mahathir berkata, kerajaan mungkin akan mengenakan syarat baru yang tegas terhadap bakal pelajar ke universiti dengan mewajibkan mereka menumpukan perhatian kepada pelajaran ataupun menghadapi tindakan disingkir.

Bagaimanapun menurut Mahadzir beliau percaya pelajar yang terlibat dengan kegiatan sedemikian hanyalah segelintir sahaja.

Menenai persiapan kementerian jika perkara tersebut dilaksanakan katanya, pihaknya akan meneliti rekod kecemerlangan akademik pelajar untuk memastikan kelayakan mereka ke universiti.